



Headline	TNB, Sapura mara ke separuh akhir		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	05 May 2013	Color	Black/white
Section	Sukan	Circulation	23,655
Page No	22	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	108 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 216
Frequency	Daily	PR Value	RM 648



TNB, Sapura mara ke separuh akhir

KUALA LUMPUR: Pasukan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Sapura berjaya melangkah ke peringkat separuh akhir Kejohanan Hoki Piala TNB 2013 di Stadium Nasional Bukit Jalil di sini.

Pada perlawanan suku akhir kedua Jumaat lalu, TNB menumpaskan Terengganu 5-1 dan sekali gus mara ke separuh akhir dengan agregat 8-3 selepas menang 3-2 pada suku akhir pertama.

Sapura pula menang dengan agregat 6-4 selepas mengatasi UniKL 3-2 pada suku akhir kedua. Sebelum ini Sapura melakarkan keputusan sama pada suku akhir pertama.

Pada saingan timbal balik separuh akhir pada 10 dan 12 Mei ini, TNB akan menentang naib juara liga, Maybank manakala Sapura berdepan dengan juara bertahan KLHC.

Dalam pada itu, jurulatih TNB, Nor Azlan Bakar berkata anak buahnya menampilkan persembahan mudah selepas mendapati pasukan lawan itu agak keletihan.

Bagaimanapun, Terengganu

mendahului babak pertama dengan jaringan Azlan Misron pada minit ke-30.

TNB kembali semula pada babak kedua dengan menyamakan kedudukan, hasil pukulan sudut penalti oleh pemain negara Faizal Saari pada minit ke-40.

Jaringan itu mencetuskan semangat pemain TNB untuk terus menjaringkan empat gol lagi menerusi Muhammad Marhan Mohd Jalil (minit 53), Muhammad Azammi Adabi (55), Faizal (59) dan Faiz Helmi Jali pada minit ke-63.

Pada pertemuan antara Sapura-UniKL, Khasif Ali meletakkan Sapura di hadapan dengan jaringan menerusi pukulan sudut penalti pada minit ke-39 dan 44 sebelum Joel Samuel Van Huizen melakukan jaringan padang pada minit ke-70.

Gol UniKL dihasilkan menerusi pukulan sudut penalti yang disempurnakan oleh Dedy Ariyadi Jumaidi pada minit ke-60 dan dua minit kemudian oleh Mohd Noor Faez Ibrahim. -Bernama